

16 JUL 2001

Mahathir-Keputusan

APA JUA KEPUTUSAN DIAMBIL DEMI KEPENTINGAN NEGARA: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata apa jua keputusan yang beliau buat sepanjang 20 tahun sebagai Perdana Menteri dilakukan semata-mata demi kepentingan negara.

Katanya beliau mungkin melakukan beberapa kesilapan dalam proses itu selain membuat keputusan yang tidak popular.

"Saya rasa saya mungkin telah melakukan beberapa kesilapan, ya, tetapi saya tidak boleh menyesali keputusan yang telah saya buat walaupun ia mungkin amat tidak popular dan menyebabkan saya kehilangan sokongan.

"Tetapi saya percaya saya melakukan semua ini bagi kepentingan negara, bukan untuk diri saya, kerana saya akan pergi jua, saya tidak boleh kekal selamanya," katanya pada satu sidang berita selepas menyampaikan ucapan pada Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai pencapaian dan perkara yang dikesalnya sepanjang menjadi Perdana Menteri selama 20 tahun sejak 16 Julai 1981.

Katanya pencapaian terbesar bagi Malaysia ialah kemampuannya mengekalkan kestabilan dan keharmonian kaum, tidak seperti negara masyarakat majmuk yang lain.

Dr Mahathir berkata: "jika anda melihat pada negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang lain, anda akan sedar bahawa hanya segelintir mereka yang mampu mencapai kestabilan dan kebanyakan mereka tidak berupaya untuk maju disebabkan perselisihan di kalangan pelbagai kaum."

Katanya ini tidak berlaku pada Malaysia kerana rakyat pelbagai latar belakang boleh hidup, bekerja dan bermain bersama dan dapat menyelesaikan perselisihan mereka dengan berbincang satu meja.

Beliau berharap Malaysia akan terus stabil dan dapat tumbuh dengan pesatnya.

"Saya harap Malaysia akan terus bebas dan tidak dikuasai oleh mana-mana pihak melainkan orang Malaysia sendiri," katanya.

Semasa ditanya berapa tahun lagi beliau akan menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata beliau berharap akan dapat bersara sebaik dibolehkan berbuat demikian.

Secara bergurau beliau berkata: "Buat masa ini saya tidak sepatutnya menyebut perkara ini, ia akan memberi kesan buruk pada pasaran, mungkin harga saham akan naik jika saya bersara, saya tidak tahu, tetapi mereka kata ia mungkin akan jatuh."

-- BERNAMA

MAM ZS RON